

٤١٧٠- حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ حَدَّثَنَا أَبُو عَامِرٍ حَدَّثَنَا إِسْرَائِيلُ عَنْ مَجْرَاءَ بْنِ زَاهِرٍ الْأَسْلَمِيِّ عَنْ أَبِيهِ
وَكَانَ مِمَّنْ شَهِدَ الشَّجَرَةَ قَالَ إِنِّي لَأُوقِدُ تَحْتَ الْقِدْرِ بِلُحُومِ الْحُمْرِ إِذْ نَادَى مُنَادِي رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْهَاكُمْ عَنْ لُحُومِ الْحُمْرِ

4170- `Abdullah bin Muhammad (al-Ju'fi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu `Aamir (al-`Aqadi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Isra'il (bin Yunus) meriwayatkan kepada kami daripada Majza'ah bin Zāhir al-Aslami⁶⁷⁴ daripada bapanya (Zāhir al-Aslami) - beliau (bapanya) termasuk sahabat yang ikut berbai'at di bawah pokok (dalam Bai'atur Ridhwān) - beliau berkata: "Sesungguhnya aku telah menyalakan api di bawah periuk (yang berada di atas tungku) untuk memasak daging keledai, tiba-tiba seorang penyeru Rasulullah s.a.w. berseru: "Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah melarang kamu memakan daging keledai."

٤١٧١- وَعَنْ مَجْرَاءَ عَنْ رَجُلٍ مِنْهُمْ مِنْ أَصْحَابِ الشَّجَرَةِ اسْمُهُ أَهْبَانُ بْنُ أَوْسٍ وَكَانَ اشْتَكَى رُكْبَتَهُ وَكَانَ
إِذَا سَجَدَ جَعَلَ تَحْتَ رُكْبَتِهِ وَسَادَةً.

⁶⁷⁴ al-Kufi. Beliau meriwayatkan hadits daripada Uhbān bin Aus, Ibnu Abi Aufa, Nājiah al-Aslami dan ayahnya sendiri. Raqabah bin Mashqalah, Qais bin ar-Rabī', Isra'il, Syarīk bin `Abdillāh an-Nakha'i adalah antara orang yang meriwayatkan daripadanya. Haditsnya terdapat di dalam Sahih Bukhari, Sahih Muslim dan Sunan an-Nasaa'i. Abu Haatim dan an-Nasaa'i mengatakan Majza'ah seorang perawi yang tsiqah. Hanya dua sahaja riwayat beliau terdapat di dalam Sahih Bukhari. Pertamanya riwayat ke-4170 ini dan keduanya ialah riwayat ke-4171 selepas ini. Hadits 4170 ini diriwayatkannya daripada bapanya sendiri Zāhir al-Aslami r.a. Majza'ah meninggal dunia pada tahun(?*). Tujuan Imam Bukhari mengemukakannya di bawah bab ini ialah untuk menyatakan Zāhir al-Aslami r.a. bapa Majza'ah juga merupakan salah seorang Ahli Bai'ah ar-Ridhwān. Kisah: larangan Rasulullah s.a.w. daripada memakan keledai kampung yang tersebut di dalam hadits ini sebenarnya berlaku dalam peristiwa perang Khaibar pada tahun ke-7 Hijrah. Oleh kerana orang-orang yang terlibat dalam Bai'ah Ridhwān itulah juga kemudiannya ikut bersama Rasulullah s.a.w. dalam perang Khaibar, maka Zāhir al-Aslami juga ada dalam peristiwa perang Khaibar. Beliau bahkan terlibat secara langsung dalam usaha memasak daging keledai sebelum diisytiharkan tentang pengharamannya.

4171- Dan (masih daripada jalur periwayatan yang sama dengan hadits sebelumnya) daripada Majza'ah⁶⁷⁵ daripada seorang laki-laki dari mereka (sahabat) yang pernah ikut berbai'at di bawah pokok (dalam Bai'atur Ridhwān), bernama Uhbān bin Aus⁶⁷⁶ bahawa dia menderita sakit lutut, apabila sujud dia meletakkan bantal di bawah lututnya.

٤١٧٢ - حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي عَدِيٍّ عَنْ شُعْبَةَ عَنْ يَحْيَى بْنِ سَعِيدٍ عَنْ بُشَيْرِ بْنِ يَسَّارٍ عَنْ سُوَيْدِ بْنِ النُّعْمَانِ وَكَانَ مِنْ أَصْحَابِ الشَّجَرَةِ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَصْحَابُهُ أَتَوْا بِسَوِيقٍ فَلَاكُوهُ. تَابَعَهُ مُعَاذٌ عَنْ شُعْبَةَ.

4172- Muhammad bin Basysyar (Abu Bakr Bundār al-'Abdi) meriwayatkan kepadaku, katanya: Ibnu Abi 'Adi (Muhammad) meriwayatkan kepada kami daripada Syu'bah (bin al-Ĥajjāj) daripada Yahya bin Sa'id (al-Anshāri) daripada Busyair bin Yasār daripada Suwaid bin an-Nu'man (bin Malik al-Anshāri), - beliau adalah salah seorang sahabat yang telah ikut berbai'at di bawah pokok (di Ĥudaibiah dalam Bai'ah Ridhwān) – katanya: "Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya pernah di hidangkan sawīq⁶⁷⁷ maka sawīq itulah yang dikunyah mereka."

⁶⁷⁵ Dengan sanad yang sama juga Imam Bukhari meriwayatkan hadits ke-4171 daripada Majza'ah, tetapi hadits ini beliau riwayatkan daripada seorang sahabat yang lain, sahabat itu seperti bapanya juga merupakan salah seorang Ahli Bai'ah ar-Ridhwān. Namanya ialah Uhbān bin Aus r.a. Uhbān kemudiannya telah mengalami sakit lutut. Kerana itu beliau ketika hendak sujud meletakkan bantal di bawah lututnya. Perbuatan seperti ini dibenarkan kepada orang yang mengalami keuzuran seperti sahabat tersebut.

⁶⁷⁶ al-Aslami al-Kufi. Abu 'Uqbah adalah kunyahnya. Beliau salah seorang Ahli Bai'ah ar-Ridhwān iaitu sahabat yang telah turut berbai'ah dengan Rasulullah di bawah pokok di Ĥudaibiah untuk berperang dan sanggup mati, jika perang ditaqdirkan berlaku dengan orang-orang kafir Mekah. Uhbān menetap di Kufah dan meninggal dunia di sana di permulaan pemerintahan (khilafah) Mu'aawiah.

⁶⁷⁷ Sawīq ialah sejenis makanan yang diperbuat daripada tepung gandum, barli atau lain-lain bijirin yang digoreng sedikit, kemudian dicampurkan minyak sapi.

Mu'aadz telah menjadi mutābi' kepadanya (Ibnu Abi 'Adi dalam meriwayatkan hadits ini) daripada Syu'bah.⁶⁷⁸

٤١٧٣ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ حَاتِمٍ بْنُ بَزِيْعٍ حَدَّثَنَا شَاذَانُ عَنْ شُعْبَةَ عَنْ أَبِي جَمْرَةَ قَالَ سَأَلْتُ عَائِدَ بْنَ عَمْرِو بْنِ رَضِيٍّ اللَّهُ عَنْهُ وَكَانَ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ أَصْحَابِ الشَّجَرَةِ هَلْ يُنْقَضُ الْوُتْرُ قَالَ إِذَا أُوتِرَتْ مِنْ أَوَّلِهِ فَلَا تُوتِرُ مِنْ آخِرِهِ.

4173- Muhammad bin Hātim bin Bazī' meriwayatkan kepada kami, katanya: Syādzān (al-Aswad bin 'Aamir asy-Syami) meriwayatkan kepada kami daripada Syu'bah daripada Abi Jamrah (Nashr bin 'Imraan ad-Dhuba'i), katanya: Aku bertanya kepada 'Aa'idz bin 'Amar r.a., - beliau adalah salah seorang sahabat Nabi s.a.w. yang telah ikut berbai'at di bawah pokok (di Hudaibiah dalam Bai'ah Ridhwān) – “Bolehkah (shalat) witir dibatalkan?”⁶⁷⁹ Beliau menjawab: “Jika

⁶⁷⁸ Maksudnya ialah dengan sanad yang tersebut di atas. Ia diwashalkan oleh al-Isma'ili daripada Yahya bin Muhammad daripada 'Ubaidillah bin Mu'aadz daripada ayahnya ... secara ringkas. Di dalamnya terdapat tambahan berikut: وَذَلِكَ بَعْدَ أَنْ رَجَعُوا مِنْ خَيْبَرَ (peristiwa itu berlaku setelah mereka pulang dari Khaibar).

⁶⁷⁹ Maksudnya ialah bolehkah jika seseorang telah bersembahyang witir selepas bersembahyang Isyā', kemudian ia tidur, kemudian setelah bangun dari tidur ia hendak bersembahyang tahajjud pula, oleh kerana ada hadits Nabi s.a.w. yang memerintahkan supaya sembahyang witir dikerjakan paling akhir daripada sembahyang malam, maka bolehkah sebelum bersembahyang tahajjud, ia membatalkan shalat witir yang telah dikerjakannya sebelum tidur itu, dengan bersembahyang satu raka'at terlebih dahulu sebagai menggenapkan witir yang telah dikerjakannya dengan niat membatalkannya, kemudian baru bersembahyang tahajjud, dan akhir sekali ia berwitir sekali lagi sebagai penutup shalat malamnya. Bolehkah seseorang melakukan begitu?

Setelah ditanya tentang boleh atau tidak membatalkan witir seperti itu, 'Aa'idz bin 'Amar r.a. berkata, “Jika kamu telah mengerjakan witir di awal (malam), maka janganlah kamu kerjakan lagi di akhir (malam).” Jawapan beliau ini adalah berdasarkan satu hadits Rasulullah s.a.w. di mana Baginda bersabda: لَا وَتْرَانِ فِي لَيْلَةٍ (tiada dua witir dalam satu malam atau pada malam yang sama).

Hadits وَتْرَانِ فِي لَيْلَةٍ ini telah diriwayatkan oleh Abu Daud, Nasaa'i, Tirmidzi, Ibnu Hibbaan, Ibnu Khuzaimah dan lain-lain. Tirmidzi menghukumnya sebagai hadits hasan.

Dalam masalah membatalkan witir seperti tersebut itu sebenarnya terdapat khilaf (perbedaan pendapat) di kalangan 'ulama'.

Ishaq bin Rāhawaih membolehkan pembatalan witir dengan cara tersebut tadi, alasannya ialah ada nukilan daripada beberapa orang sahabat bahawa mereka melakukannya. Jumhur 'ulama' dari kalangan Hanafiyyah, Malikiyyah, Syafi'iyah